

KERATAN AKHBAR

NAMA : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH: 11 FEBRUARI 2018 M/S: 3

Hubungan baik pusat, negeri mudahkan bina rumah

KLUANG 10 Feb. - Projek perumahan yang dirancang di seluruh negara akan menjadi lebih mudah dan cepat sekiranya kerajaan Pusat dan negeri adalah daripada parti yang sama.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, hubungan baik antara kedua-dua pihak amat

penting kerana pembinaan rumah memerlukan penggunaan tanah yang berada di bawah kuasa kerajaan negeri.

Menurutnya, salah satu sebab mengapa kadangkala projek perumahan agak lewat dilaksanakan adalah kesukaran mencari tanah yang bersesuaian untuk dimajukan.

"Contohnya, kerajaan Pusat ialah Barisan Nasional (BN) dan ker-

ana itu kerajaan negeri pun kena BN juga sebab apabila kementerian nak buat rumah kita senang cari tanah.

"Terima kasih kepada kerajaan negeri Johor pimpinan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang memahami masalah perumahan ini dan memberikan kerjasama yang cukup baik," katanya selepas Majlis Pelancaran Agenda Pembangunan Perumahan Sem-

brong (APPS) di Felcra Sungai 10, Paloh hari ini.

Terdahulu, Noh bersama-sama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang juga Ahli Parlimen Sembrong melancarkan agenda berkenaan yang merupakan salah satu kluster digariskan bagi mem-bela nasib rakyat dan kebajikan warga di Parlimen berkenaan.